

# Lawatan sulung Anwar ke Belgium pererat lagi hubungan

**Brussels:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan kerja dua hari ke Belgium bermula hari ini, selepas selesai lawatan kerjanya ke United Kingdom.

Kementerian Luar dalam kenyataan semalam, berkata ini adalah lawatan sulung Perdana Menteri ke Belgium sejak memegang jawatan itu yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan dua hala Malaysia dan Belgium serta Kesatuan Eropah (EU).

Mengiringi Perdana Menteri

dalam lawatan itu ialah Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Anwar dijangka bertemu Perdana Menteri Belgium, Alexander De Croo untuk membincangkan hubungan dua hala Malaysia-Belgium dan mempergiat usaha kerjasama serta bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang mem-

punyai kepentingan bersama.

Perdana Menteri juga akan bertemu Presiden Majlis Eropah, Antonio Costa dan kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan cara untuk mempertingkatkan lagi hubungan Malaysia-EU dan kerjasama serantau.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Perdana Menteri akan menyatakan keutamaan Malaysia dan aspirasi global ASEAN dalam menangani cabaran antarabangsa, sambil meneroka cara untuk mengukuhkan lagi hubu-

ngan dialog ASEAN-EU.

Kementerian Luar memaklumkan Anwar juga akan menekankan keyakinan Malaysia ke arah memperkukuh keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau dalam rangka kerja inklusif, mampan dan berorientasikan masa depan.

Semasa lawatan itu, Anwar juga akan menyampaikan ucapan utama di College of Europe, bertajuk *Bridging Regions: Strengthening Southeast Asia-European Resilience*.

Dari Januari hingga Novem-

ber 2024, perdagangan dua hala Malaysia dengan EU, termasuk Belgium berjumlah RM200 bilion (AS\$43.71 bilion).

Sehingga kini, 1,345 projek pembuatan dengan penyertaan EU 43.71 bilion) dilaksanakan di Malaysia menarik pelaburan berjumlah RM239.9 bilion (AS\$59.80 bilion) dan mewujudkan 155,933 pekerjaan.

Selepas lawatan dua hari itu, Anwar akan berlepas ke Switzerland untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos.

BERNAMA